SURUHANJAYA TENAGA
JABATAN KESELAMATAN ELEKTRIK
TINGKAT 10
MENARA TH PERDANA
1001 JALAN SULTAN ISMAIL
50250 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

TEL : 03-26125400 FAX : 03-26915584

No. Masuk C0206/08 / No. Kerja TK683/08

SDC SERVICES
NO.17,JALAN USJ 11/3F,
47600 SUBANG JAYA
SELANGOR.

No. Kerja: TK683/08
Ruj. Sykt.: 6000903
Ruj. Kami: ST(IP)KT/1
Tarikh: 21 FEB 2008

Tuan,

PERMOHONAN MENGIMPORT / MENGILANG KELENGKAPAN ELEKTRIK (BUKAN KAWALAN)
Butir-butir Radas / Aksesori

Nama Dagangan:	SWITCHING POWER SUPPLIES FOR IT EQUIPMENT				
Jenama:	GLOBTEK				
Jenis/Model:	GT-21089-1305-T3				
Kadar:	1 Fasa;	100-240 Volt;	50-60 Hz;	0.5A Amp;	- Watt.
Negara Pengilang:	CHINA				

Permohonan tuan bertarikh 19 FEB 2008 adalah dirujuk.

Untuk makluman tuan, kelengkapan elektrik seperti butir-butir di atas masih belum disenaraikan sebagai kelengkapan elektrik yang dikawal oleh Jabatan ini. Tuan tidak perlu mendapatkan apa-apa perakuan kelulusan dari Jabatan ini. Tuan boleh mengusahakan dan mengambil tindakan seterusnya agar pengguna mendapat manafaat dari teknologi ini :-

(a) Pihak tuan hendaklah memastikan setiap alat-alat tersebut berfungsi dengan selamat, menepati piawaian Malaysia (MS), piawaian British (BS) atau piawaian IEC dan Jabatan Bomba. Rakabentuk, pemasangan dan penyelia hendaklah dikendalikan oleh orang yang berkompeten dan mengikut garis panduan kejuruteraan yang baik.

(b) Sebarang risiko yang berbangkit daripada pepasangan kelengkapan tersebut adalah di bawah tanggungjawab tuan.

(c) Semua kelengkapan elektrik yang menggunakan bahan kimia 'Polychlorinated Biphenyls (PCB) dan bahan yang tercemar atau dicemari bahan toksik dan berbahaya tidak dibenarkan dibawa masuk ke Malaysia kecuali bahan-bahan berkenaan memperolehi kelulusan bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar.

(d) Surat ini bukanlah surat kelulusan. Tuan TIDAK BOLEH menjadikan surat ini sebagai rujukan untuk mempromosikan kelengkapan elektrik tersebut.

(e) Sila rujuk kelengkapan ini kepada SKMM atau SIRIM untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, Terima kasih.

Yang benar

MUHAMMAD SHARUL AZAM BIN ABDUL RAHIM
Timbalan Pengarah
Unit Kawalan Kelengkapan
Jabatan Keselamatan Elektrik
Suruhanjaya Tenaga

b/p Suruhanjaya Tenaga

s.k. Pengarah Kastam

[yusof]